

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
NOBLE HEPTA SDN. BHD., KEMAMAN SUPPLY BASE,
TERENGGANU

DISEDIAKAN OLEH :

RUZITA BINTI AHMAD
SIRIANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

Perpustakaan
Sekolah Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (SKUSTEL)

1100039939

LI 66 FPE 2 2005



1100039939

Laporan akhir latihan industri di Noble Hepta Sdn. Bhd., Kemaman Supply Base, Terengganu Sdn Bhd / Ruzita Ahmad.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039939

Libat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

15
66
FPE
2
2005-

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI NOBLE HEPTA SDN.BHD, KEMAMAN SUPPLY BASE, TERENGGANU

Disediakan oleh:

**RUZITA BINTI AHMAD
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100039939

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya **RUZITA BINTI AHMAD**, mengakui bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama: RUZITA BINTI AHMAD

TARIKH: 22 / 11 / 05

Disahkan Oleh:



Tuan Haji Abdul Rahim bin Ibrahim

Penyelia KUSTEM

b/p Penggerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan kurnia-Nya, maka dapatlah pelatih menjalani Latihan Industri yang bermula pada 20 Mac hingga 9 Jun dengan baik dan seterusnya menyiapkan laporan akhir Latihan Industri. Tanpa izin dari Nya, belum tentu pelatih dapat menjalani Latihan Industri dengan jayanya.

Terlebih dahulu, terima kasih pelatih kepada keluarga yang banyak membantu dan memberi sokongan dan dorongan kepada pelatih dari segi bantuan kewangan .Sokongan dan dorongan mereka banyak membantu pelatih semasa menjalani Latihan Industri dan dalam masa menyiapkan laporan akhir Latihan Industri sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Seterusnya pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ucapan terima kasih pelatih kepada Tuan Haji Abdul Rahim, penyelia Latihan Industri KUSTEM, diatas segala tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan sebelum dan sepanjang tempoh pelatih menjalani Latihan Industri. Ucapan terima kasih juga diucapkan diatas kesudiaan beliau memberikan tunjuk ajar dan garis panduan kepada pelatih dalam menyiapkan laporan ini. Kerjasama beliau amatlah dihargai.

Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga pelatih ucapkan kepada pihak NOBLE HEPTA SDN.BHD, diatas kesudian pihaknya mengambil pelatih untuk menjalani Latihan Industri di sana, terutama kepada En. Khairuddin Bin Hj.Muda, pengurus syarikat kerana memberi peluang kepada pelatih untuk menyelami bidang pekerjaan yang sebenar.

Tidak ketinggalan juga kepada pihak-pihak yang terlibat sepanjang tempoh pelatih menjalani Latihan Industri terutama kepada penyelia industri pelatih iaitu En.Sabri Bin Mat Amin iaitu pengurus di bahagian operasi. Beliau banyak memberi tunjuk ajar dan memberi peluang kepada pelatih untuk merasai keadaan sebenar bidang pekerjaan. Dengan tunjuk ajar yang diberikan membolehkan pelatih merasai situasi alam pekerjaan yang sebenar.

Selain itu, terima kasih juga kepada kakitangan-kakitangan Noble Hepta yang turut memberikan kerjasama yang jitu kepada pelatih terutamanya di Bahagian Operasi iaitu Puan Nurhamisah Binti Ahmad, En.Jamlus Bin Mohamad dan Puan Hasnita Binti Hamzah. Mereka banyak membantu dari segi nota-nota dan tunjuk ajar tentang operasi-operasi kerja. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada mereka yang turut terlibat secara langsung dalam memberikan maklumat-maklumat kepada pelatih berkaitan dengan operasi kerja di Noble Hepta.

Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada ahli-ahli jawatankuasa Latihan Industri kerana bertungkus-lumus bekerja bagi melancarkan lagi proses Latihan Industri ini. Kesungguhan dan kesabaran mereka melayani kerenah-kerenah para pelajar amatlah dihargai.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada kawan-kawan yang banyak membantu dan memberi dorongan kepada pelatih semasa menjalani Latihan Industri dan menyiapkan laporan akhir Latihan Industri.

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Penghargaan	i
2	Isi Kandungan	iii
3	Senarai Rajah	vi
4	Ringkasan Eksekutif	vii

BAB SATU

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Noble Hepta Sdn.Bhd	2
	1.1.1 Latar Belakang Organisasi	2
	1.1.2 Lokasi	4
1.2	Maklumat Organisasi	5
1.3	Carta Organisasi	8
1.4	Fungsi Bahagian	9
	1.4.1 Bahagian Operasi	9
	1.4.2 Bahagian Kewangan	10
1.5	Perkhidmatan Yang Disediakan	12
1.6	Pendekatan Syarikat Memajukan Syarikat	13
1.7	Kekuatan Organisasi	15
	1.7.1 Pihak Pengurusan Dan Kakitangan	15
	1.7.2 Sokongan Kewangan	16

1.7.3	Sistem Pejabat	16
1.7.4	Prinsip Syarikat	17
1.8	Kelemahan Syarikat	18
1.9	Objektif Dan Falsafah Syarikat	18
1.10	Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	19

BAB DUA

2.0	Pengenalpastian Masalah Dan Cadangan Penyelesaian	22
2.1	Sistem Pembayaran	22
2.1.1	Prosedur Sistem Pembayaran	22
2.1.2	Pengenalpastian Masalah	24
2.1.3	Punca Masalah	25
2.1.4	Kesan Masalah	25
2.1.5	Cadangan Penyelesaian	26
2.1.6	Implikasi Pelaksanaan Dan Kesan	27
2.2	Sistem Prosedur Pelepasan Pelabuhan	28
2.2.1	Prosedur Pelepasan Pelabuhan	28
2.2.2	Pengenalpastian Masalah	36
2.2.3	Punca Masalah	36
2.2.4	Kesan Masalah	37
2.2.5	Cadangan Penyelesaian	38
2.2.6	Implikasi Pelaksanaan dan Kesan	39

2.3	Sistem Prosedur Sign-on/Sign-off	39
2.3.1	Prosedur Sign-on/Sign-off	39
2.3.2	Pengenalpastian Masalah	43
2.3.3	Punca Masalah	44
2.3.4	Kesan Masalah	44
2.3.5	Cadangan Penyelesaian	45
2.3.6	Implikasi Pelaksanaan dan Kesan	46

BAB TIGA

3.0	Rumusan Dan Cadangan	47
3.1	Lakaran Pengharapan	49
	Rujukan	51
	Lampiran	52

SENARAI RAJAH

Perkara		Halaman
Rajah 1.3	Carta Organisasi Noble Hepta	8
Rajah 2.1	Carta Aliran Sistem Pembayaran	23
Rajah 2.2	Carta Aliran Sistem Prosedur Pelepasan Pelabuhan	35
Rajah 2.3	Carta Aliran Sistem Prosedur Sign-on dan Sign-off	42

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) merupakan suatu komponen subjek yang sangat penting dalam program pengajian di FPE. Melalui Latihan Industri, pelatih dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi tentang teori dan pengajaran yang dipelajari disamping mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan. Selain itu, melalui latihan Industri ini, pelatih turut didedahkan dengan alam pekerjaan dimana pelatih dapat memperolehi pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing. Noble Hepta Sdn.Bhd adalah sebuah organisasi dimana pelatih berpeluang menjalani Latihan Industri. Noble Hepta merupakan sebuah syarikat perkapalan yang ditubuhkan pada 1 Oktober 1995. Perkhidmatan utama syarikat ini adalah sebagai agen penghantaran muatan dan perkapalan. Sepanjang berada di Noble Hepta, pelatih ditempatkan dibahagian operasi iaitu berkaitan dengan pengurusan penyediaan dokumen dan borang semasa berurusan dengan jabatan kerajaan. Selain itu, pelatih turut berpeluang mempelajari sistem berkaitan dengan sign-on dan sign-off krew kapal serta sistem pembayaran yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi dalam Bab 2. Sepanjang 12 minggu menjalani Latihan Industri, pelatih mengenal pasti beberapa masalah iaitu dibahagian pembayaran, bahagian pelepasan pelabuhan dan prosedur sign-on/sign-off. Antara yang dikenal pasti adalah masalah kelewatan proses pembayaran, masalah prosedur pelepasan pelabuhan dan masalah dalaman krew untuk sign-on/sign-off. Masalah-masalah sebegini walaupun tidaklah sebesar mana namun ianya mampu memberi kesan ke atas perjalanan aktiviti syarikat dan seterusnya menimbulkan masalah yang lebih besar yang akan merugikan semua pihak sama ada agen, pemilik kapal dan pelanggan. Justeru itu, menerusi laporan ini, pelatih turut memberikan beberapa cadangan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Secara keseluruhannya, pelatih berharap hasil daripada penemuan yang dijalankan oleh pelatih terhadap sistem kerja di Noble Hepta dan cadangan yang diberikan akan dapat membantu pihak pengurusan menyelesaikan masalah yang timbul dan menjalani sistem kerja yang lebih efektif.